

09 OCT 2003

OIC-Arab Saudi

PUTERA MAHKOTA ABDULLAH KETUAI DELEGASI ARAB SAUDI KE SIDANG KEMUNCAC
OIC

PUTRAJAYA, 9 Okt (Bernama) -- Putera Mahkota Abdullah Abdul Aziz Al-Saud, akan mengetuai delegasi negara itu ke Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini dari 16 hingga 17 Okt.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata sebelum menghadiri sidang kemuncak itu, Abdullah, yang juga Timbalan Perdana Menteri dan Panglima Pengawal Kebangsaan Arab Saudi, akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia mulai Selasa.

Lawatan itu berikutan jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Lawatan oleh Putera Mahkota Abdullah merupakan yang pertama oleh baginda ke Malaysia dan baginda dijangka diiringi delegasi peringkat tinggi terdiri daripada beberapa menteri dan pegawai kanan kerajaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Semasa lawatan itu, Abdullah dijadual mengadakan pertemuan dan perbincangan tertutup dengan Dr Mahathir.

Kedua-dua pemimpin dijangka berbincang dan bertukar-tukar pandangan dalam mempertingkatkan hubungan dua hala selain pembangunan politik-ekonomi antarabangsa terutama isu-isu berkaitan OIC, dunia Islam dan masyarakat Islam.

Pada peringkat antarabangsa, Syed Hamid berkata Malaysia dan Arab Saudi berkongsi pandangan yang serupa dalam pelbagai isu antarabangsa serta serantau dan telah bekerjasama serta saling menyokong antara satu sama lain dalam forum antarabangsa terutamanya dalam perkara-perkara membabitkan umat Islam.

Abdullah akan turut menghadiri majlis makan malam yang dianjurkan Dr Mahathir di Seri Perdana selain menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail dan menghadiri jamuan tengah hari rasmi bagi meraikan baginda pada Rabu.

Syed Hamid berkata Arab Saudi dan Malaysia telah menjalin hubungan yang amat baik.

"Lawatan Putera Mahkota Abdullah dijangka mempertingkatkan hubungan rapat dan mesra yang sedia terjalin antara kedua-dua negara Islam yang bersaudara serta memanjangkan kerjasama yang membawa manfaat kepada kedua-dua negara dalam bidang ekonomi, perdagangan, pelaburan, sains dan teknologi, pertahanan, kewangan, industri, hal ehwal agama, kebudayaan, pelancongan, pendidikan, belia dan sukan," kata beliau.

Tahun lepas, jumlah dagangan yang dicatatkan ialah US\$781.5 juta (RM2,969.7 juta), dengan eksport bernilai US\$383.3 juta (RM1,456.54 juta) berbanding import yang bernilai US\$398.2 juta (RM1,513.16 juta). Imbangan dagangan memihak kepada Arab Saudi sebanyak US\$14.9 juta (RM56.62 juta).

Sebahagian besar import Malaysia dari negara itu ialah minyak dan produk sampingannya manakala barangan yang dieksport pula ialah minyak sawit, peralatan elektronik, perindustrian dan kegunaan rumah.

Pada masa ini, 200 pelajar Malaysia belajar di Arab Saudi manakala kira-kira 120 pelajar dari negara berkenaan pula sedang mengikuti pengajian di Malaysia.

Terdapat kira-kira 50,000 orang pelancong dari Arab Saudi, iaitu jumlah terbesar pelancong dari negara-negara Arab yang melawat Malaysia setiap tahun.

Syed Hamid berkata Arab Saudi juga amat pemurah terhadap Malaysia berkaitan kuota haji dengan membenarkan 50,000 jemaah dari Malaysia

mengerjakan haji di Mekah setiap tahun.

-- BERNAMA

HS MKO ROS